



About Us Malaysia World Opinion

Contact Us

A banner image showing a glass of beer with foam and another glass being poured with a golden liquid. The text 'War On Sugar: Tax increase on sugary drinks' is overlaid in white. A small 'Ad' label is in the bottom right corner.

War On Sugar:
Tax increase on sugary drinks


OPINION

Perspektif Islam Mengenai Implan Mikrocip Otak Untuk Meningkatkan Prestasi Dalam Peperiksaan Kompetitif —

Dr Sayyed Mohamed Muhsin, Dr Rosazra Roslan & Dr Alexis Heng Boon Chin

Jika calon peperiksaan mendapat kelebihan yang tidak adil melalui implantasi cip otak, ini boleh menjejaskan prinsip-prinsip meritokrasi peperiksaan dan menimbulkan kebimbangan etika dari sudut integriti proses pemilihan untuk kemasukan ke kolej dan jawatan dalam perkhidmatan awam, yang berpotensi untuk memusnahkan kepercayaan kepada institusi sosial utama.

By **Ova** Published 1 hour ago





Gambar oleh F1 Digitals daripada Pixabay.

Dalam satu perkembangan perubatan baru-baru ini, Neuralink, sebuah syarikat perintis yang memulakan ‘antaramuka otak-komputer’ oleh bilionair Amerika Syarikat Elon Musk, telah memasang mikrochip otak yang pertama ke dalam badan pesakit manusia, yang didakwa dapat membantu kelumpuhan.



Malaysia's health system in crisis: insufficient doctors, facilities, and beds

[Click to read more](#)

TRENDING POSTS

Narrowing Data Gaps To Ensure No Woman Or Girl In Malaysia Is Left Behind — Dr Julitta Onabanjo

Beyond Adolescence: Parental Engagement In Navigating The Digital Divide — Faeza Hasnan

Pesakit tersebut dilaporkan dapat bermain catur melalui antaramuka otak-komputer ini.

Walaupun ini merupakan asas perubatan yang penting bagi kebanyakan pesakit yang mengalami kecederaan otak dan tulang belakang yang lemah, penyakit Parkinson dan Alzheimer, teknik ini boleh digunakan untuk meningkatkan daya ingatan atau kognitif manusia, serta menghubungkan otak manusia ke komputer, mesin robotik dan platform-platform kecerdasan buatan.

Dari sudut perspektif Islam, mengembangkan akal seseorang dan menggunakannya untuk tujuan yang bermanfaat adalah sangat dihormati terutamanya apabila ia dapat mengurangkan kesakitan, menghapuskan kemudaratan, meningkatkan kualiti hidup, atau membantu mereka yang memerlukan. Kepentingan menggunakan akal telah berulang kali ditekankan dalam Al-Quran, seperti yang diketengahkan dalam ayat-ayat surah Al-An'am 6:151, surah Yunus 10:101, dan surah Az-Zukhruf 43:3.

Boleh Disalahgunakan Untuk Tujuan Kejahatan

Walaupun teknologi ini sudah pasti mempunyai banyak aplikasi yang bermanfaat untuk manusia, ia juga boleh disalahgunakan untuk tujuan kejahatan. Bayangkan senario mimpi ngeri sekiranya seorang askar dapat mengawal dron-dron yang berterbangan dan robot yang merangkak di dalam terowong dengan menggunakan fikirannya untuk memburu dan

Perspektif Islam Mengenai Implan Mikrochip Otak Untuk Meningkatkan Prestasi Dalam Peperiksaan Kompetitif — Dr Sayyed Mohamed Muhsin, Dr Rosazra Roslan & Dr Alexis Heng Boon Chin

membunuh pejuang kebebasan, memberikannya kuasa pemusnah yang hampir tidak dapat dikalahkan.

Tahanan politik boleh ditanamkan secara rahsia dengan cip otak yang dapat membaca minda dan mengawal pemikiran, dan kemudian dilepaskan ke dalam komuniti mereka, untuk bertugas sebagai pemberi maklumat dan mata-mata.

Oleh itu, sudah tentu terdapat banyak potensi untuk melakukan keganasan dan penindasan dengan platform teknologi baru ini. Namun, lebih membimbangkan apabila terdapat godaan yang semakin meningkat untuk mencontohi kaedah jahat penindas untuk melawan mereka.

“Penyelesaian Ajaib”, “Jalan Pintas”

Walau bagaimanapun, tumpuan di sini adalah pada pembangunan cip otak yang dapat meningkatkan kecerdasan dan ingatan dengan ketara, yang seterusnya dapat meningkatkan prestasi dalam peperiksaan kebangsaan yang sangat kompetitif untuk kemasukan ke kolej atau mendapatkan jawatan dalam perkhidmatan awam. Bagaimanakah keadaan ini dapat diselaraskan dengan prinsip dan etika Islam?

Telah diketahui bahawa sesetengah peperiksaan yang tinggi ini sangat melelahkan dan memerlukan proses pembelajaran dan persediaan yang intensif selama beberapa tahun. Sebagai contohnya, peperiksaan

kemasukan kolej yang terkenal (*Gaokao*) di China, dan peperiksaan perkhidmatan awam yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persatuan (UPSC) India.

Ibu bapa sememangnya menyayangi anak-anak mereka dan secara nalurinya mahukan yang terbaik untuk masa depan mereka. Oleh itu, ibu bapa akan berusaha keras dan bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa anak-anak mereka cemerlang dalam akademik, termasuk membayar untuk sesi pengajian selepas sekolah yang berlebihan, serta membeli hartanah kediaman yang sangat mahal berdekatan sekolah rendah berprestij untuk memastikan anak mereka mendapat keutamaan dalam mendapatkan tempat di sekolah-sekolah ini.

Kewujudan cip otak yang boleh dimasukkan untuk meningkatkan daya ingatan dan kecerdasan akan menjadi “penyelesaian ajaib” dan “jalan pintas” bagi kebanyakan pelajar dan ibu bapa, yang sudah pasti bersedia membayar apa jua harga untuk mendapatkan teknologi ini.

Walaupun usaha dan pengorbanan ibu bapa untuk anak-anak mereka adalah terpuji, namun ia tidak wajar dari segi cara etika Islam, terutamanya jika kaedah yang tidak jujur dan tidak adil digunakan untuk mencapai objektif, tanpa mengira betapa mulia dan tingginya mereka. Prinsip teras dalam Islam adalah matlamat tidak menghalalkan cara.

Kelebihan Yang Tidak Adil

Satu analogi yang sesuai di sini ialah larangan penggunaan dadah untuk meningkatkan prestasi dalam sukan kompetitif bagi memastikan keadilan kepada atlet. Acara sukan antarabangsa sangat menyerupai ujian persaingan kebangsaan.

Sama seperti calon peperiksaan, atlet tidak memulakan kerjaya mereka pada kedudukan yang sama dan mereka tidak diberi peluang yang sama. Seseengah atlet dari negara-negara yang lebih kaya mungkin telah menerima latihan dan diberikan pemakanan yang lebih baik, manakala atlet-atlet yang lain mungkin mendapat kelebihan kerana fizikal mereka yang unggul. Tetapi untuk memastikan keadilan, ubat-ubatan yang dapat meningkatkan prestasi seperti steroid diharamkan oleh semua organisasi sukan antarabangsa yang utama.

Begitu juga, jika calon peperiksaan mendapat kelebihan yang tidak adil melalui implantasi cip otak, ini boleh menjejaskan prinsip-prinsip meritokrasi peperiksaan ini dan menimbulkan kebimbangan etika dari sudut integriti proses pemilihan untuk kemasukan ke kolej dan jawatan dalam perkhidmatan awam, yang berpotensi untuk memusnahkan kepercayaan kepada institusi sosial utama.

Oleh itu, akan berlaku pelanggaran jelas terhadap teras ajaran Islam dari sudut Amanah, al-'Adl (keadilan), Ikhlas (keikhlasan) dan Mujahadah (berusaha), jika seseengah calon peperiksaan mendapat kelebihan yang tidak adil melalui implantasi cip otak.

Dalam Islam, bukan hanya objektif yang dipentingkan, tetapi penekanan yang sama atau lebih besar diletakkan pada cara dan laluan untuk mencapai objektif tersebut. Walaupun Islam dilihat secara meluas sebagai agama yang bertumpu dan berpaksikan kepada Tuhan yang satu, ia secara holistic juga turut menumpukan dan berpaksi pada kemanusiaan, kerana ia bertujuan untuk membangunkan dan memperbaiki manusia di peringkat individu dan masyarakat.

Islam adalah cara hidup yang komprehensif yang tertumpu kepada membimbing individu untuk lebih dekat dengan Tuhan Yang Esa. Ia menganggap manusia sebagai makhluk utama di antara semua ciptaan, menganggap mereka sebagai Khalifah (wakil Tuhan) dan mengamanahkan mereka dengan amanah. Oleh itu, Islam menyediakan manusia dengan pelan hala tuju dan langkah praktikal untuk pembangunan dan peningkatan peribadi dan masyarakat.

Islam bukan sahaja menyediakan arahan tentang matlamat dan objektif, tetapi ia juga menawarkan panduan terperinci mengenai cara, kaedah, alat, dan laluan untuk mencapai objektif tersebut. Ia adalah melalui perjuangan dan mengatasi kesusahan secara beretika bahawa manusia dibangunkan dan diperbaiki secara holistik di peringkat rohani dan material.

Sebagai contohnya, kewajipan agama dalam Islam seperti haji. Walaupun secara luarannya, objektif utama haji adalah untuk beribadah kepada

Allah di Ka'abah, ramai umat Islam perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk melaksanakan kewajipan ini.

Dalam proses berbuat demikian, individu Muslim mempelajari nilai-nilai berjimat cermat, mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah dan bekerja keras. Jika seseorang individu cuba memenuhi kewajipan besar ini dengan cara yang tidak beretika seperti melakukan penipuan atau mencuri, maka perbuatan mereka tidak diterima, dan sikap mereka tidak bertambah baik dalam proses itu.

Begitu juga, jika cip otak dibangunkan untuk membolehkan seseorang menghafal semua ayat Al-Quran secara automatik, maka ini tidak akan mempunyai sebarang nilai rohani. Sebaliknya, seorang ulama Islam yang berdedikasi yang menghabiskan seumur hidupnya untuk menghafal seluruh Al-Quran melalui kerja keras dan keazaman yang tinggi akan mendapat pemahaman dan gambaran yang lebih mendalam tentang nuansa setiap ayat.

Allah menawarkan ganjaran atas setiap cubaan dan usaha yang dilakukan oleh seseorang. Namun, keputusan dan kesannya bukanlah di tangan manusia. Inilah sebabnya mengapa dakwah, atau menyeru orang lain ke jalan yang benar, adalah satu-satunya kewajipan bagi orang yang beriman. Sama ada dakwah tersebut diterima atau tidak bukanlah sesuatu yang perlu dirisaukan, kerana akhirnya Allah jugalah yang akan menentukan.

Perlu Menghormati Autonomi Kanak-kanak

Niat memainkan peranan penting dalam menentukan sudut pandangan Islam. Sepertimana yang dinyatakan oleh hadis terkenal, “amalan itu dinilai mengikut niat” (Hadis Al-Bukhari). Oleh itu, niat di sebalik penggunaan teknologi sedemikian adalah penting dalam Islam. Jika cip otak digunakan untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil dalam peperiksaan kompetitif atau pasaran pekerjaan, ia boleh dilihat sebagai tidak beretika.

Walau bagaimanapun, jika tujuannya adalah untuk mengatasi kecacatan kognitif atau ketidakupayaan, ia mungkin akan diterima secara lebih meluas, kerana ini sejajar dengan prinsip-prinsip Islam dari sudut belas kasihan dan menjaga golongan rentan.

Dalam kes di mana pelajar terlibat dalam implantasi cip otak, ibu bapa sebahagian besarnya akan menjadi pembuat keputusan. Dalam situasi sedemikian, aspek persetujuan dan autonomi perlu dipertimbangkan dengan teliti.

Adalah penting untuk memastikan keputusan itu menghormati autonomi kanak-kanak dan persetujuan termaklum telah diperolehi. Ibu bapa perlu mempertimbangkan dengan teliti implikasi etika dan kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak.

Dalam Islam, tubuh badan fizikal bukanlah hak milik peribadi seseorang, tetapi dianggap milik Allah. Oleh itu, mengubah suai tubuh seseorang untuk tujuan yang sia-sia tanpa sebarang keperluan perubahan yang mendesak, seperti pembedahan kosmetik ditegah dalam Islam, kerana itu sama seperti mengubah ciptaan Allah (*Taghyir Khalq Allah*).

Ini juga terpakai dalam kes implantasi cip otak untuk meningkatkan kecerdasan dan ingatan, apabila seseorang itu tidak mengalami kekurangan neurologi akibat kecederaan otak dan saraf tunjang, atau penyakit neurodegeneratif.

Tambahan pula, Islam amat menitikberatkan perlindungan akal (*Hifz al-Aql*), sebagai salah satu objektif utama undang-undang Syariah (*Maqasid al-Shariah*). Disebabkan itulah, bahan yang memabukkan dan mengubah minda seperti alkohol dan dadah diharamkan.

Hanya dengan memelihara akal, seseorang boleh menjalankan kehendak bebasnya berdasarkan pertimbangan yang baik, yang merupakan asas tanggungjawab moral dan akauntabiliti seseorang di hadapan Allah. Terdapat risiko yang besar bahawa implan cip otak mungkin dapat menimbulkan kesan yang boleh menyebabkan perubahan minda dan psikoaktif, sama seperti mabuk, yang seterusnya akan menjejaskan pertimbangan moral seseorang.

Pada masa ini, masih banyak yang tidak diketahui mengenai platform teknologi yang baru muncul ini. Adakah cip otak yang boleh dimasukkan untuk meningkatkan daya ingatan dan kecerdasan boleh juga memberi kesan yang merosakkan kepada keperibadian dan tingkah laku seseorang dalam jangka panjang?

Sebagai contoh, peningkatan kebolehan intelektual mungkin disertai dengan peningkatan keangkuhan dan ciri-ciri keperibadian yang dominan, dan tingkah laku antisosial mungkin berlaku pada orang yang telah dimasukkan cip otak.

Meluaskan Jurang Antara Golongan Kaya Dan Miskin

Dalam Islam, mengelakkan kemudaratan adalah lebih diutamakan dalam mendapatkan manfaat daripada rawatan perubatan. Jadi apakah kemungkinan kemudaratan (*Mafsadah*) kepada individu, masyarakat dan ekosistem? Kemungkinan besar, ini akan meningkatkan ketidaksamaan sosial dan meluaskan jurang antara golongan kaya dan miskin.

Memandangkan terdapat jangkaan untuk pasaran yang sangat menguntungkan untuk cip otak yang dapat meningkatkan kecerdasan dan ingatan, dijangkakan bahawa cip otak ini akan menjadi sangat mahal apabila ia pertama kali dilancarkan, jadi hanya orang kaya sahaja yang mampu memilikinya.

Di samping itu, syarikat-syarikat yang membangunkan produk-produk sedemikian perlu mengembalikan sejumlah besar wang yang telah mereka laburkan dalam penyelidikan dan pembangunan selama beberapa tahun, di samping mempunyai motivasi yang tinggi untuk memanfaatkan hak paten eksklusif mereka dan permintaan yang tinggi untuk produk baru tersebut apabila ia muncul.

Cip otak yang dipasang untuk meningkatkan daya ingatan atau kecerdasan dalam peperiksaan kebangsaan yang kompetitif pasti menimbulkan banyak kontroversi dan perdebatan hangat di kalangan ibu bapa, pelajar, penggubal undang-undang, dan masyarakat secara keseluruhan.

Pertama, ia memburukkan lagi jurang sosioekonomi, menawarkan kelebihan daya saing dalam peperiksaan untuk calon yang lebih kaya. Kedua, terdapat ketidaksetaraan yang jelas apabila mereka yang mempunyai keupayaan kognitif yang meningkat perlu bersaing dengan individu yang bergantung kepada bakat semulajadi, kerja keras dan pengetahuan yang diperolehi.

Ini merosakkan keaslian dan nilai pencapaian akademik, mengalihkan tumpuan daripada usaha peribadi kepada kelebihan teknologi, dan secara dasarnya mengubah intipati pendidikan, dengan mengubahnya menjadi persaingan yang memberi tumpuan kepada siapa yang mempunyai peningkatan novel yang paling canggih yang boleh dibeli dengan wang,

bukannya meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan peribadinya sendiri.

Di samping itu, kebergantungan yang berlebihan kepada teknologi ini dapat menimbulkan ancaman kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di kalangan pelajar, mengurangkan motivasi mereka untuk terus berusaha memajukan diri dan melakukan pembelajaran seumur hidup, di samping merosakkan nilai-nilai ketabahan, ketekunan dan integriti yang telah lama dikehendaki dan dihormati. Justeru, teknologi ini berpotensi menyebabkan lebih banyak masalah melebihi faedahnya kepada masyarakat.

Oleh itu, dalam pada kita mempertimbangkan dan memuji kesan positif dan hasil daripada cip otak, kita tidak boleh mengabaikan potensi kelemahannya. Adalah penting untuk mewujudkan peraturan dan undang-undang bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan terobosan teknologi ini. Perlaksanaan garis panduan dan peraturan secara beretika akan membantu melindungi individu dan masyarakat daripada kemungkinan kesan buruk.

Artikel ini diolah berdasarkan penelitian dari artikel bahasa Inggeris yang diterbitkan dalam jurnal akademik antarabangsa dengan tajuk (Islamic Bioethics Viewpoint on Elective Brain Chip Implants and Brain Computer Interfaces for Enhancing Academic Performance in Competitive Examinations).

Dr Sayyed Mohamed Muhsin adalah pakar perundangan Islam dan penolong profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dr Rosazra Roslan adalah doktor perubatan dan penolong profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dr Alexis Heng Boon Chin adalah profesor madya sains bioperubatan di Universiti Peking, China.

- Ini adalah pendapat peribadi penulis atau penerbitan dan tidak semestinya mewakili pandangan Ova.

In this article: featured, opinion